



MEMO

JABATAN BENDAHARI UNIT PEMBAYARAN

Kepada : Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 17 (71)

Tarikh : 03 Ogos 2022
05 Muharram 1444H

MAKLUMAN BAGI KENAIKAN KADAR ELAUN LOJING BAGI TUGAS RASMI SELARAS DENGAN PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4 – KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-141 Bil. 3/2022 bertarikh 30 Mei 2022 telah bersetuju meluluskan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 – Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi selaras dengan pindaan kenaikan kadar elaun lojing bagi tugas rasmi berkuatkuasa pada Jun 2022.

3. Sehubungan itu, kadar-kadar baharu telah dikemaskini dan boleh digunakan melalui MyUPSI Portal bagi modul tuntutan perjalanan dalam negeri (bertugas rasmi). Berikut dilampirkan rujukan kadar Elaun Lojing yang digunakan :-

Gred	Semenanjung Malaysia	Sabah, Sarawak dan WP Labuan
Utama/Khas A dan ke atas	100.00	110.00
Utama/Khas B dan C	100.00	110.00
53 dan 54	100.00	110.00
45 hingga 52	60.00	70.00
41 hingga 44	60.00	70.00
27 hingga 40	50.00	60.00
17 hingga 26	50.00	60.00
16 dan ke bawah	50.00	60.00

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Pembayaran, Jabatan Bendahari di talian 05-450 6301/6921/6582/6304.

Sekian dan segala perhatian serta kerjasama Y.Bhg.Prof./Dr./Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“UPSI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k: Fail